

Kuala Lumpur

Shell gerak kempen derma melalui setiap isian minyak

Bagi meraikan Aidilfitri dengan lebih bermakna, Shell Malaysia menjalankan kempen sumbangan melalui setiap isian minyak yang dilakukan di mana-mana stesen Shell seluruh negara.

Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd & Shell Timur Sdn Bhd, Shairan Huzani Husain berkata, bagi setiap liter minyak yang diisi di mana-mana stesen Shell seluruh negara pada 22, 23 dan 24 Jun ini (Khamis, Jumaat dan Sabtu), Shell akan mendermakan satu sen (RM0.01) kepada lima pertubuhan kebajikan yang terpilih di seluruh negara.

“Sumbangan ini akan memanfaatkan kanak-kanak di bawah jagaan Pertubuhan MyKasih (Kuala Lumpur & Sabah), *BOLD Association for Children with Special Needs* (Pulau Pinang), Pertubuhan Perkhidmatan Intervensi Awal (Johor Bahru), Kelab Balkis (Kelantan) dan Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (Sarawak).

“Dana ini akan

digunakan untuk program pembangunan yang perlu bagi memastikan pembelajaran kanak-kanak serta pembentukkan kemahiran baru mereka terpelihara,” katanya.

Menurutnya, di Shell, misi yang diterapkan adalah untuk menambah nilai dalam perjalanan hidup rakyat Malaysia.

“Kami ingin meninggalkan kesan positif terhadap komuniti terutama di lokasi yang terdapat stesen kendalian kami. Kami berpendapat perhatian segera perlu diberikan kepada kanak-kanak kurang bernasib baik.

“Oleh yang demikian, kami ingin menyumbang kepada usaha program yang sedia ada. Kami berharap ini akan mendorong orang lain untuk turut berbakti kepada masyarakat yang kurang bernasib baik,” katanya.

Tumpuan Kempen Amal Raya Shell 2017 sejak penubuhannya dua tahun lalu adalah untuk memperluaskan tahap keupayaan kanak-kanak kurang bernasib baik.